

10 NOV 2001

Abdullah-Militan

MALAYSIA TENTANG KUMPULAN PENGANAS TANPA KIRA AGAMA DAN KAUM

SINGAPURA, 10 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan Malaysia tetap berpendirian tegas dalam menentang keganasan dan akan mengambil tindakan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan penganas.

"Kita akan mengambil tindakan kepada mana-mana kumpulan penganas tanpa kira agama dan kaum," katanya kepada pemberita Malaysia selepas mengetuai kontinjen Kementerian Dalam Negeri menyertai sukan persahabatan dengan kementerian Singapura yang sama di sini hari ini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, turut mengunjungi Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong yang ingin mengetahui perkembangan terbaru di Malaysia khususnya mengenai Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan pengisytiharan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Abdullah memberitahu Goh bahawa kegiatan KMM adalah terkawal dan polis sentiasa memantau kegiatan golongan pelampau yang ada di Malaysia untuk memastikan "apa tindakan yang wajar diambil, diambil."

"Beliau menyatakan bahawa beliau faham dan menganggap kenyataan Dr Mahathir itu sebagai melambangkan kesederhanaan dalam membangunkan negara Malaysia dan juga rakyat Malaysia mengikut ajaran agama Islam," tambah Abdullah.

Goh sebelum itu menyertai Abdullah dan Menteri Dalam Negeri Singapura Wong Kan Seng bermain golf di Tanah Merah Country Club.

Abdullah turut mengunjungi rakan sejawatnya Lee Hsien Loong yang memberikan taklimat mengenai situasi ekonomi negaranya yang sedang mengalami kemelesetan.

Lee berkata ekonomi Singapura banyak juga bergantung kepada situasi ekonomi negara-negara jirannya walaupun ia mempunyai hubungan dagang yang kukuh dengan Amerika Syarikat, kata Abdullah.

Mengenai sukan persahabatan antara kementerian kedua-dua negara, Abdullah berkata ia akan dapat menggeratkan perhubungan antara pegawai dan agensi terbabit.

Banyak kerjasama yang boleh dijalin antara jabatan polis dan imigresen kedua-dua buah negara, katanya.

Turut sama dalam kontinjen Malaysia ialah Ketua Setiausaha KDN Datuk Seri Aseh Che Mat, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dan pegawai-pegawai kanan kementerian.

-- BERNAMA

TCL MOZ